

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 11 TAHUN 1977**

#### **MASALAH KELEMAHAN DAN KELEWATAN MEMUNGUT HASIL TANAH DAN TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL**

---

---

MMK yang bersidang pada 31.3 1977 di bawah tajuk lain-lain perkara telah menimbulkan masalah kelemahan-kelemahan sesetengah Pejabat Tanah dalam memungut hasil kebelakangan ini.

2. Satu kajian telah dibuat dibuat dan didapati kedudukan hasil tanah dan juga hasil kebelakangan ini (tunggakan) yang belum dijelaskan oleh tuan-tuan tanah dari semenjak beberapa tahun yang lepas sehingga kepada 30.4.1977 adalah seperti berikut :-

#### **BAYARAN HASIL TANAH (CURRENT)**

<b>Bil.</b>	<b>Jajahan</b>	<b>Anggaran Hasil Tahun 1977</b>	<b>Pungutan Hasil Tanah Sehingga 30.4.77</b>	<b>Baki</b>
1.	Ulu Kelantan	1,091,117.39	384,231.90	706,885.40
2.	Kota Bharu	821,107.30	189,212.40	631,894.90
3.	Tanah Merah	600,068.25	138,323.00	465,043.25
4.	Pasir Mas	600,068.40	89,474.60	510,593.80
5.	Pasir Puteh	322,000.00	43,074.30	278,925.70
6.	Machang	449,327.20	45,772.00	403,555.90
7.	Tumpat	182,969.20	45,772.00	403,555.90
8.	Bachok	215,000.00	52,131.20	162,868.80
<b>JUMLAH</b>		<b>4,284,956.35</b>	<b>1,001,497.80</b>	<b>3,283,458.55</b>

## TUNGGAKAN HASIL TANAH

<b>Bil.</b>	<b>Jajahan</b>	<b>Jumlah Tunggakan</b>	<b>Pungutan Hasil Tanah Sehingga 30.4.77</b>	<b>Baki</b>
1.	Ulu Kelantan	282,420.00	13,122.60	269,297.60
2.	Kota Bharu	145,700.70	24,305.60	121,395.10
3.	Tanah Merah	331,812.45	50,479.50	281,332.95
4.	Pasir Mas	496,574.60	32,112.40	464,462.20
5.	Pasir Puteh	102,189.00	19,281.50	82,907.50
6.	Machang	73,035.05	9,144.70	63,890.35
7.	Tumpat	21,501.50	2,654.90	18,846.60
8.	Bachok	19,867.45	1,521.60	18,345.84
<b>JUMLAH</b>		<b>4,284,956.35</b>	<b>1,001,497.80</b>	
<b>3,283,458.55</b>				

3. MMK yang bersidang pada 23.6.1977 telah mengkaji Kertas bil. 12/667/77(53) dan telah dapati bahawa sebab-sebab kelemahan dan kelewatan Hasil Tanah itu adalah seperti yang dinyatakan di bawah ruangan 1 di bawah ini. Dalam siding yang sama MMK telah mengkaji tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan MMK telah membuat keputusan sebagai dasar yang dikehendaki dipatuhi oleh Pentadbiran Tanah adalah sebagai di bawah ruangan di bawah:-

### **Sebab-Sebab Kelemahan & Kelemahan**

- (a) Menurut K.T.N notis meminta supaya tuan-tuan tanah menjelaskan hasil tanahnya dibuat dengan menggunakan Borang 6A. Proses pengeluaran Notis ini adalah melibatkan beban kerja-kerja yang banyak dan rumit serta terpksa menggunakan tenaga kerani dan penyerahan notis yang banyak.

### **Cara-Cara Untuk Mengatasinya**

- (a) PHT hendaklah mengkaji dan memberitahu pihak kerajaan anggaran jumlah lot-lot yang terlibat dengan penyediaan dan pengeluaran Notis Borang 6A khasnya untuk tanah-tanah yang jumlah hasilnya lebih dari \$50/- bagi satu lot. (maklumat

ini diperlukan untuk membolehkan Kerajaan menentukan bilangan kerani atau kakitangan yang mencukupi bagi menjalankan tugas-tugas untuk menyediakan dan mengeluarkan Borang 6A itu dalam tempoh yang ditentukan. Dalam hal menyerah Notis, tenaga kerani, Penggawa dan Penghulu-Penghulu boleh digunakan dengan dibayar elaun-elaun yang berpatutan yang akan ditentukan oleh Kerajaan kelak).

- (b) Borang 6A (Borang Tuntutan Hasil Terhutang) ini adalah sukar hendak disediakan dan diserah kepada tuan-tuan tanah kerana Pejabat-Pejabat Tanah tidak menyimpan rekod-rekod alamat tuan tanah. Sungguhpun tanah-tanah yang berkenaan terletak di dalam jajahan yang berkenaan, tetapi mungkin tuan-tanah itu tidak tinggal di atas yang berkenaan.
- b) Satu arahan kepada Pejabat-Pejabat Tanah hendaklah dikeluarkan supaya menyediakan dan menyimpan buku-buku yang mengandungi alamat-alamat tuantahan dan hendaklah sentiasa dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Tuan (Arahan ini telah tanah dikeluarkan bagaimana Arahan PTG.Bil. 6/1977 dan Pek. PTG.Bil.23/76).
- (c) Ada terdapat kes-kes di mana tuan-tuan tanah yang berkenaan telah mati dan tidak ada waris-waris yang sanggup hendak menjelaskan hasilnya. Ada kalanya pula masing-masing waris itu harap berharap di antara mereka yang menyebabkan pada akhirnya hasil tanah itu tidak terbayar dalam waktu yang ditetapkan.
- (c) Melalui Penggawa-Penggawa dan Penghulu-penghulu, waris-waris si mati yang berkenaan hendaklah sentiasa digesa supaya segera membuat tuntutan harta pesaka si mati yang berkenaan dan jika waris yang berkenaan tidak mengambil langkah yang sewajarnya, Penggawa-penggawa hendaklah diarah supaya membuat tuntutannya menurut Sek.8 Akta

Pembahagian Pesaka Kecil,  
1955.

- (d) Mengenai tanah-tanah yang dimiliki secara berkongsi, didapati sukar pihak tuan tanah berkenaan hendak mengumpulkan wang bayaran hasil itu kerana mungkin mereka tidak tinggal di tempat yang sama serta tidak ada persetujuan di antara mereka.
- (d)(i) Tindakan Undang-Undang hendaklah diambil sama ada dengan cara yang menyampaikan Borang 6A kepada mereka yang berkenaan atau didakwa di Mahkamah sebagai Civil Kes menurut Sek.16 (1) K.T.N.
- (ii) PHT bolehlah dibenarkan menerima bayaran hasil tanah daripada mana-mana tuantanah yang berkongsi itu sebagai 'Part Payment' dan wang itu hendaklah disimpan di dalam deposit A/C bagi lot yang berkenaan. Apakah jumlah bayaran itu bersamaan dengan jumlah hasil tanah bagi Lot itu, maka wang itu hendaklah dijadikan hasil Kerajaan sebagai 'Hasil Tanah'. (Cara ini adalah berlawanan dengan kehendak Sek.
- (e) Ada juga terdapat setengah-setengah tuantanah yang enggan membayar hasil tanah dalam masa yang ditentukan kerana kadar denda lewat tidak tinggi dan kurang daripada faedah pinjaman.
- (e) Kadar denda lewat itu hendaklah dikenakan atas kadar yang sama sebanyak 10% daripada jumlah hasil yang ter hutang dan peraturan Tanah mengenai perkara ini hendaklah dipinda untuk mencapai hasrat ini. (Ketetapan ini akan berkuatkuasa bila Peraturan Tanah Kelantan dipinda).

- |   |  |
|---|--|
| <p>(f) Tuan-tuan tanah tinggal jauh dari Pejabat Tanah dan perjalannya susah pula serta memakan belanja tambang menambang yang besar dan kadang-kadang tambang itu lebih besar dari jumlah bayaran hasil tanah itu sendiri. yang semacam ini berlaku di Ulu Kelantan dan Tanah Merah)</p>   | <p>(f)(i) Pejabat-Pejabat Tanah seperti Ulu Kelantan &amp; Tanah Merah hendaklah mengadakan kutipan-kutipan hasil tanah di Daerah-daerah dan di tempat-tempat yang (kes terperinci lebih kerap lagi dari masa-masa yang lepas</p> <p>(ii) Kerajaan-kerajaan hendaklah merancang dan berusaha dengan lebih giat lagi membina jalan-jalan dan mengadakan perhubungan jalanraya yang lebih banyak, khasnya ke kawasan-kawasan yang jauh di pedalaman dan terpencil.</p> |
| <p>(g) Ada terdapat setengah-setengah tuantanah itu memang miskin tuan dan tidak mampu hendak membayar hasil tanahnya kerana tanah yang berkenaan mungkin belum lagi mendatangkan hasil atau memang itu tidak diusahakan atas sebab-sebab yang tertentukan seperti musuh tanaman , tidak subur atau tidak ekonomi untuk diusahakan.</p> | <p>(g) Kerajaan patutlah menggalakkan tuan-tanah yang berkenaan melaksanakan rancangan BUKU HIJAU untuk meninggikan lagi tanah pendapatan mereka. Jabatan Pertanian pula, hendaklah berusaha dan mengambil langkah-langkah tegas dalam membasmi musuh tanaman.</p>   |
| <p>(h) Memang setengah-setengah tuan itu bersikap cuai dan tidak mengambil berat dalam membayar hasil tanah dalam masa yang ditetapkan yang menyebabkan hasil meningkat dari setahun ke setahun sehingga menjadi satu jumlah yang besar yang tidak termampu dibayar oleh mereka.</p>  | <p>(h) Seruan-seruan yang tanah bercorak galakan dan ingatan kepada tuan-tuan tanah yang berkenaan hendaklah dibuat dan disebarluaskan ke seluruh Daerah dari semasa ke semasa melalui alat sebaran am, khasnya melalui Radio Tempatan (PHT hendaklah sentiasa berhubung rapat dengan Pihak Penerangan &amp; Radio</p>   |

Malaysia untuk  
menjayakan ketetapan ini).

4. Dengan keluarnya Pekeliling ini PHT adalah diminta supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya mematuhi dasar dan ketetapan Kerajaan bagaimana yang dinyatakan di bawah ruangan 2 dalam perenggan 3 yang di atas.
5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG bil 3/1977 yang telah dikeluarkan pada 8.3.1977.

t.t  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua P.H.T dan Penolong P.H.T Kelantan.  
Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang.

**SALINAN KEPADA:**

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.  
Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.  
Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan  
Juru Odit Negeri Kelantan  
Pengarah Ukur Negeri Kelantan  
Pengarah L.K.T.N Kelantan.  
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan  
Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU**

**FAIL :** PTG.(KN) .SULIT 4/65/(89)

**KOTA BHARU :** 5HB. JULAI, 1977